



# Berita PESUTM

## Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "**Berita PESUTM**". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.



Kutipan Khas dan Kutipan Tabung Pesara UTM merupakan inisiatif Persatuan Pesara dalam membantu pesara dan pihak yang memerlukan bantuan kewangan. Kutipan Khas kali pertama PESUTM merujuk Kutipan Khas Rakyat Palestine yang diluncurkan dari 19 Oktober - 25 Oktober berjaya mengutip RM1122.00 dengan 13 penyumbang. Kutipan kali ke-2 Kutipan Khas Puan Sulieh yang diluncurkan pada 5 Nov. - 13 November berjaya mengumpul RM2820 dengan 26 penyumbang.

### AHLI JAWATANKUASA & BIRO PESUTM 2023-2025

#### YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus (012-722 7429)

#### TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad (016-733 2345)

#### SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani (019-712 4394)

#### PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek (019-656 5205)

#### BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun (019-778 2613)

#### PENOLONG BENDAHARI

Dr.Hafizah Harun (017-682 4772)

#### BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan (019-734 8735) | **Ketua**

Haji Bakri Mohd Dahlan (017-790 4489)

Cik Siti Zaiton Borham

#### BIRO EKONOMI

Puan Kasuma Masjuria B. Basar (019-713 1743) | **Ketua**

Prof. Emeritus Dr.Ahmad Kamal Idris (019-728 8000)

En. Muhamad Saad Sulaiman

Puan Faridah Hussein

En. Abdul Hadi Othman

En. Othman Adon

#### BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani (019-731 0674) | **Ketua**

Haji Zainal Abidin Hassan (019-756 5751)

Puan Abrizah Abd. Rahim (017-700 1600)

Puan Ramlah Husin (019-780 0244)

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

#### BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismael Samat (012-707 8574) | **Ketua**

Haji Zainul Rashid Abu Bakar (013-773 6563)

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran

Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

### HSA Johor Bahru | 20 November 2023

### ZIARAH PUAN SULIEH SAHLAN & SAMPAIKAN SUMBANGAN

Petang ini kami berada di Hospital Sultanah Aminah (HSA). Bendahari, Setiausaha dan Haji Khalid Mazlan mewakili Exco Persatuan Pesara UTM ziarah dan menyantuni Puan Sulieh Sahlan yang telah menjalani pembedahan kraniotomi (Craniotomy) di kepala akibat berlaku pendarahan beku pada penghujung bulan Oktober lalu.

Berita PESUTM difahamkan bahawa, Puan Sulieh masuk wad HSA pada 20 Oktober, setelah menjalani pembedahan kraniotomi dan rawatan susulan selama dua minggu, pada 4 November beliau dibenarkan pulang ke rumah. Bagaimanapun semalam (19 November) Puan Sulieh mengalami sesak nafas akibat kadar oksigen rendah, atas situasi ini keluarga segera membawanya ke HSA dan kini beliau menjalani rawatan dan ditempatkan di wad Blok Bunga Raya (katil 20).

Bertepatan dengan harapan dan hasrat kami selain menziarah, Bendahari Persatuan Pesara UTM Haji Jamaluddin Harun turut menyerahkan sumbangan pesara yang dibuat melalui Kutipan Khas Tabung Kebajikan Pesara dari 5/11 - 13/11 kepada anak perempuan Puan Sulieh. Semoga sumbangan ikhlas pesara ini dapat membantu dan meringan Puan Sulieh.

Ini merupakan kali kedua PESUTM membuat Kutipan Khas Tabung Kebajikan Pesara, sebelumnya Kutipan Khas Rakyat Palestine dukungan sumbangan yang diterima dari ahli amatlah baik semoga keprihatinan sahabat pesara kekal berterusan.



**KANGKAR PULAI : Kampung Melayu | 23 November 2023**  
**ZIARAH AHLI KELUARGA ALLAHYARHAM HJ JAMIL & SAMPAIKAN SUMBANGAN**

Pada 23 November 2023 Exco Persatuan Pesara UTM (PESUTM) menziarahi keluarga allahyarham Hj. Jamil Yusof yang telah kembali ke rahmatullah jam 1.50 petang pada 22 November dan selamat dikebumikan jam 6.00 petang hari yang sama di tanah perkuburan Kampung Melayu Kangkar Pulai.

Berita PESUTM difahamkan bahawa allahyarham Hj Jamil mengidap penyakit kanser darah atau penyakit hematologi iaitu kanser yang mengganggu penghasilan dan fungsi sel-sel darah. Kali terakhir sebahagian exco PESUTM bertemu dengan allahyarham pada 19 Mac 2023 iaitu bersempena Mesyuarat Agung PESUTM Kali Ke-12 bertempat di Dewan Astana, Kolej Tuanku Canselor.

Ziarah AJK PESUTM ke kediaman Lot 4186, Jalan Taqwa 6, Kampung Melayu, Kangkar Pulai diketuai Hj. Ismael Samat selaku Ketua Biro Khidmat Profesional, saudara Roslan Abd Ghani, Hj. Jamaludin Harun, Hj. Zainul Rashid Abu Bakar, Hj Zainal Abidin Hasan dan Hj. Bakri Dahalan. Kunjungan ziarah ini disambut dengan penuh mesra anak bongsu allahyarham, saudara Nazarudin dan menantu allahyarham, saudara Hijaz.

Di akhir kunjungan ziarah ini, Hj Ismael Samat menyampaikan Sumbangan Khairat Tabung Kebajikan Pesara kepada saudara Nazaruddin dan mendoakan semoga Allah SWT mengampuni segala dosa dan menerima amal ibadah allahyarham Hj Jamil. Semoga bagi keluarga yang ditinggalkan diberi kesabaran serta ketabahan menghadapi ujian ini.

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

**Takziah**  
kepada seluruh keluarga

**HAJI JAMIL YUSOF**  
Mantan Pensyarah Jabatan Kimia, Fakulti Sains  
Universiti Teknologi Malaysia

Semoga almarhum diampuni segala dosa dan husnul khatimah serta keluarga yang ditinggalkan diberikan ketabahan dan kesabaran.

Amin Ya Rabbal Alamin



Daripada  
Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara  
Universiti Teknologi Malaysia



**KANGKAR PULAI** : Kampung Melayu | 23 November 2023

## **KUNJUNGAN UKHUWAH | USTAZ SELAMAT HASHIM**

Kunjungan ukhuwah ke kediaman insan luar biasa yang disegani tapi disenangi, sosok berpenampilan tapi serba sederhana merupakan Penerima Ijazah Kehormat Doktor Pengajian Islam sempena Majlis Konvokesyen kali Ke-65 Universiti Teknologi Malaysia tahun 2022. Insan ini pada tahun 2002-2006 menjawat jawatan Pengarah Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial UTM. Insan ini juga merupakan penulis yang prolifik antara karya beliau “Peranan Usul Fiqh dalam Perkembangan Syariat Islam” terbitan 2019 Penerbit UTM Press ditulis bersama Iqbal Salam, “Pengurusan Hukum Syarak Menurut Perspektif Usul Fiqh Siri I, II dan III” diterbitkan Penerbit UTM Press tahun 2015 & 2016. Sebuah autobiografi berjudul “Menelusuri Kehidupan Sepanjang Zaman” telah terbit, dan kini dengan penuh iltizam insan

ini sedang menekuni - menyiapkan karya berjudul “Himpunan Idea Seorang Pesara” sekalipun berdepan cabaran dengan ujian penglihatan yang tak jelas. Insan yang dimaksudkan ini juga mantan Pesara UTM yang juga merupakan ahli Persatuan Pesara UTM (no. ahli 0087), insan luar biasa yang dimaksudkan ialah Ustaz Hj. Selamat Hashim.

Kunjungan ukhuwah Exco Persatuan Pesara UTM ke kediaman Ustaz Hj. Selamat Hashim ini bagi mendapat khabar perkembangan terkini status pembedahan mata yang telah beliau jalani sebelum ini ketika itu menurut doktor ada pendarahan dalam sel mata. Berita PESUTM dimaklumkan penglihatan beliau masih belum jelas dan kebolehdayaan melihat amat terbatas hanya jarak dekat sahaja.

Diakhir sesi kunjungan ukhuwah ini Hj Ismael Samat menyampaikan sumbangan Kebajikan Pesara kepada Ustaz Hj. Selamat Hashim dengan mendoakan semoga Ustaz Hj Selamat beroleh kesembuhan segera.





**SKUDAI | 23 November 2023**

**SALAM TAKZIAH BUAT PEMERGIAN ALLAHYARHAMAH ASIAH JUSOH**

Berita PESUTM diberitahu bahawa Asiah Jusoh, ibu kepada saudara Mohd Akmal Hisyam bin Mohamad staf Jabatan Timbalan Naib Canselor (P & I) telah kembali ke rahmatullah jam 2.04 petang.

Asiah Jusoh pesara UTM yang pernah menabur khidmat bakti sebagai Pelukis Pelan atau Penolong Pegawai Seni Bina, di Jabatan Harta Bina UTM. Keahlian allahyarhamah dalam Persatuan Pesara UTM bernombor 0431. PESUTM difahamkan allahyarhamah Asiah Jusoh mengidap kanser tahap 4. Allahyarhamah meninggal dunia di Macang Kelantan.

Seluruh PESUTM khasnya turut berdukacita dan merakamkan ucapan salam penuh takziah buat seluruh keluarga allahyarhamah atas kembali ke rahmatullah insan yang disayangi dan dikasihi.

Marilah sama-sama kita ungkapkan dengan setulusnya bacaan surah al-Fatihah kepada allahyarhamah semoga rohnyanya dicucuri rahmat Allah serta ditempatkan dalam kalangan hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh.

اِنَّ اللّٰهَ وَاٰلِهٖٓ سَابِقُونَ  
 Al. Fatimah  
**Takziah**  
 kepada seluruh keluarga

---

**ASIAH JUSOH**  
Mantan Penolong Pegawai Seni Bina,  
 Jabatan Harta Bina, Universiti Teknologi Malaysia  
 Ahli Persatuan Pesara UTM no. 0431

---

Semoga rohnyanya dicucuri rahmat dan ditempatkan  
 dalam kalangan mereka yang beriman.  
 Amin Ya Rabbal Alamin



Daripada  
**Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara  
 Universiti Teknologi Malaysia**